



SEJARAH PELAKSANAAN UNDANG-UNDANG ISLAM DI MALAYSIA: SOROTAN TERHADAP SISTEM KEHAKIMAN ISLAM DI NEGERI MELAKA

Undang-Undang
Islam

*History of the Implementation of Islamic Law in
Malaysia: An Overview of the Islamic Judicial System in
Malacca*

59

Submitted: 26 June 2019
Revised: 5 August 2019
Accepted: 30 October 2019
E-Published: 31 October 2019

MOHAMAD HAFIFI HASSIM (Corresponding Author)
AHMAD MURSHIDI MUSTAPA
ABDUL HAKIM BAHARUDDIN
Fakulti Syariah Dan Undang-Undang
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)
hafifi@kuis.edu.my, ahmadmurshidi@kuis.edu.my
abdulhakim@kuis.edu.my

ABSTRAK

Sebelum kedatangan penjajah di Tanah Melayu, undang-undang Islam telah pun diterima dalam istiadat atau adat masyarakat tempatan. Kedua-dua bentuk adat yang utama ialah Adat Temenggung dan Adat Perpatih. Oleh kerana itu, boleh disimpulkan bahawa undang-undang yang dilaksanakan ketika itu ialah undang-undang Islam yang telah diubahsuai oleh adat Melayu. Kedatangan Islam bukan sahaja mengubah sosiobudaya dan pemikiran masyarakat tempatan di Kepulauan Melayu, bahkan telah membawa perubahan dari sudut perundangan dan pentadbiran. Bukti sejarah menunjukkan undang-undang Islam telah pun diamalkan di Tanah Melayu sebelum kedatangan penjajah Barat, meliputi hukum Islam secara menyeluruh samaada jenayah, urusan niaga atau muamalat, kekeluargaan, prosedur dan keterangan. Undang-Undang Islam pada ketika itu boleh dikatakan sebagai undang-undang utama dalam pentadbiran kerajaan Melayu Melaka dan legasi ini diteruskan oleh kerajaan-kerajaan Melayu lain di sekitarnya. Oleh itu, penulisan ini akan membincangkan mengenai sejarah pelaksanaan undang-undang Islam di Malaysia serta melihat sistem pentadbiran keadilan Islam yang telah dilaksanakan di negeri Melaka. Kajian ini menggunakan metod kualitatif iaitu menggunakan kaedah kepustakaan seperti merujuk penulisan-penulisan ilmiah, jurnal serta beberapa manuskrip lama yang berkaitan serta menemubual informan yang berkaitan. Kajian ini dapat memberikan pendedahan bahawasanya undang-undang Islam bukanlah suatu yang asing bagi orang Melayu dan Malaysia khususnya dalam mengawal selia urustadbir kehidupan seharian dan kenegaraan serta dapat





melihat bagaimana perkembangan sistem kehakiman Islam di negeri Melaka dari dulu hingga kini.

Kata Kunci: Islam, Kadhi, Kehakiman, Mahkamah, Undang-Undang.

ABSTRACT

Before the arrival of the colonists in Malaya, Islamic law has been adopted among local people. Two prominent customs at that time are *Adat Temenggung* and *Adat Perpatih*. Therefore, it can be concluded that the laws enacted at that time were Islamic laws which had been modified from a Malay custom. The arrival of Islam has changed the culture and the thought of the local people in the Malay Archipelago. The laws and administrative systems also been effected. The history shows that Islamic law had been practiced in Malaya before the advent of the Western colonies which covers the matters such as crime, commercial transaction, family, procedure and evidence. Islamic law was considered as a main law in the administration of the Malay government of Malacca and it has been practiced by the surrounding Malay states. Therefore, this article will discuss the history of the implementation of Islamic law in Malaysia particularly in the Islamic justice system in the state of Malacca. This study uses qualitative methods and library-based research. Several academic writings, journals and manuscripts have been analysed. The interviews with the relevant informants have been conducted. This study reveal that Islamic law is not strange to the Malays and particularly Malaysians in regulating their day-to-day life and Islamic judiciary system has evolved in the state of Malacca since then.

Keywords: Court, Islam, Justice, Kadhi, Law

PENDAHULUAN

Menurut Hamka (2006) beliau menegaskan bahawa kedatangan agama Islam ke Nusantara sangat istimewa kerana Islam itu sendiri datang dalam keadaan aman dan damai, bukan dengan jalan kekerasan dan peperangan. Salleh Abas (1986) telah menyebut bahawa Islam telah menjadi agama orang Melayu sejak 500 tahun dahulu. Pada awalnya Islam dibawa oleh pedagang Arab ke India dan kemudiannya telah disebarkan ke Tanah Melayu pada abad ke-15. Sejak itu, orang-orang Melayu telah diislamkan. Antaranya ialah penyebaran Islam melalui pedagang – pedagang dari Arab, India dan China. Melalui perdagangan ini, maka secara tidak langsung telah berlaku perkembangan Islam termasuklah melalui proses perkahwinan, nilai-nilai akhlak dari aspek kepimpinan (interaksi antara tamadun), sikap golongan agama dan lain-lain lagi.

Fokus kepada penulisan ini ingin menjelaskan dengan lebih lanjut bahawa bagi masyarakat Malaysia dan orang Melayu khususnya, undang-undang Islam bukanlah sesuatu yang asing bagi penduduk Tanah Melayu ketika itu. Terdapat banyak penemuan dan bukti yang menunjukkan Islam telah pun bertapak dan berkembang di Tanah Melayu sejak ratusan tahun dahulu. Undang-undang Inggeris yang diguna pakai



di Mahkamah Awam merupakan undang-undang yang baharu yang dibawa oleh penjajah Inggeris. Ianya dibawa masuk melalui pengenalan Piagam Keadilan Pertama pada tahun 1807 yang mana mengesahkan pemakaian undang-undang Inggeris di Pulau Pinang buat pertama kalinya (Nooraziah Awal, 2017). Walhal sebelum itu masyarakat di Tanah Melayu telah terbiasa dengan tatacara, amalan dan perundangan Islam dalam kehidupan seharian mereka. Kemasukan undang-undang Inggeris inilah yang menyebabkan skop dan perkembangan undang-undang Islam menjadi terbatas dan jumud dan akhirnya sistem kehakiman Islam disingkirkan daripada sistem keadilan di peringkat Persekutuan.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif sepenuhnya dengan merujuk kepada bahan-bahan ilmiah di perpustakaan seperti buku-buku, jurnal, kertas kerja dan makalah ilmiah. Rujukan juga dibuat terhadap statut-statut yang digubal sebelum Merdeka. Di samping itu, temubual separa struktur turut dilakukan bagi mendapatkan maklumat dan gambaran yang lebih terperinci mengenai kajian ini. Pengkaji menggunakan kaedah kualitatif kerana kaedah ini dirasakan sesuai kerana pengkajian bersifat sejarah. Maka adalah relevan bagi pengkaji untuk menilai dan menganalisis bahan-bahan literatur yang berkaitan sejarah untuk dijadikan rujukan.

UNDANG-UNDANG ISLAM SEBELUM KEDATANGAN PENJAJAH

Mahmud Saeedon (2003) menyatakan penerimaan umat Islam di Asia Tenggara terhadap Mazhab Syafie amat jelas sekali. Orang Islam di Indonesia, Tanah Melayu, Filipina, Thailand hinggalah ke Sri Lanka secara keseluruhannya berpegang teguh kepada Mazhab Syafie. Kita dapat lihat betapa kuatnya pengaruh Mazhab Syafie di rantau ini sehinggalah ianya menjadi mazhab rasmi kerajaan Islam yang lampau sejak ratusan tahun dahulu. Apa yang menarik lagi mazhab ini telah dikanunkan dan digazetkan menjadi undang-undang dan seterusnya dikuatkuasakan.

Menurut satu laporan daripada tulisan orang Cina dan penemuan kesan sejarah, kedatangan Islam ke Asia Tenggara bermula pada abad pertama hijrah apabila orang-orang Arab Islam mula membuat penempatan di Timur Sumatera (Palembang) kira-kira tahun 55 hijrah atau bersamaan 674 Masihi. Mengikut Naquib al-Attas (1969):

Satu kenyataan yang kita dapat lihat apabila migrasi besar-besaran yang dilakukan oleh orang Islam ke kepulauan Melayu seperti mana yang dilaporkan oleh al-Ma'udi bahawasanya seramai 120 000 atau 200 000 pedagang yang terdiri daripada pedagang Arab dan Parsi yang mana mereka telah membina penempatan di Khanfu (Canton). Oleh itu, sejumlah besar pedagang Islam telah belayar ke beberapa kawasan di Tanah Melayu, antaranya Kalah (Kedah).

Bagi menyokong kenyataan ini, terdapat beberapa laporan sejarah yang menunjukkan pedagang Arab dan Cina telah datang berdagang dan membuat



penempatan di sekitar Kepulauan Melayu, antaranya di Kedah dan Palembang yang mana ianya dapat dikesan bermula dari abad pertama sehingga ketujuh masihi (Musa Awang, 2015). Manakala menurut pandangan ahli sejarah agama, Islam telah disebarkan dan dikembangkan di Asia Tenggara sejak kurun ke-13 tetapi hanya bertapak kuat di Melaka dalam kurun ke-15. Sebelum kedatangan Islam, orang Melayu mengikut undang-undang adat yang mana sedikit sebanyak dipengaruhi oleh agama Hindu (Zaini Yusnita, 2012).

Ingin ditekankan di sini juga para pedagang memainkan peranan yang amat penting dalam usaha menyebarkan Islam dalam Tamadun Melayu. Terdapat aktiviti dakwah melalui perkahwinan dengan wanita tempatan, kemudian mempunyai zuriat. Seterusnya Islam tersebar dan secara tidak langsung membuktikan bahawa agama Islam telah dibawa masuk ke rantau Asia Tenggara dan wujudnya interaksi antara tamadun yang berlainan. Agama Islam merupakan agama yang istimewa. Hal ini kerana ia merupakan agama yang mudah difahami, yang menekankan hak kesamarataan antara lapisan masyarakat, bersifat rasional dan logikal, yang mengutamakan kehalusan akhlak dan budi bahasa yang dianggap serasi dengan orang Melayu. Kerajaan Perlak dan Samudera Pasai merupakan pusat tamadun Melayu Islam terawal. Penemuan kepingan duit dinar di Tapak Kota Kubang, Kelantan menunjukkan bahawa pada tahun 577 Hijrah telah wujud sebuah kerajaan Islam di Kelantan (Mahmood Saedon, 2003). Kepingan duit tersebut telah ditulis huruf arab '*al-julus Kelantan 557 Hijrah*', manakala di sebelahnya bertulis '*al-mutawakkil*'.

Kebanyakan sejarawan Barat berpendapat bahawa Melaka merupakan negeri yang pertama sekali menerima pengaruh Islam. Pemerintah Melaka yang pertama iaitu Parameswara dikatakan telah memeluk Islam pada tahun 1414 Masihi setelah berkahwin dengan Puteri Sultan Pasai (Abd Jalil, 2002). Walaubagaimanapun sejarawan berselisih pendapat mengenai siapakah pemerintah Melaka yang dahulu memeluk Islam. R.O Windstedt berpendapat Parameswara telah membuka Melaka pada 1403 Masihi dan memeluk Islam pada 1414 Masihi. Selepas memeluk Islam, baginda memakai gelaran Megat Iskandar Shah.

Di semenanjung Tanah Melayu, Melaka muncul sebagai sebuah pusat tamadun Melayu Islam yang menguasai Selat Melaka sekitar kurun ke-16 dan dibuka oleh Parameswara. Penyebaran agama Islam di alam Melayu melalui dua tahap iaitu tahap kedatangan atau ketibaan dan tahap perkembangan. Alam gugusan Melayu terdiri daripada beberapa buah negeri seperti Indonesia, Filipina, Brunei, Pattani dan Malaysia yang terletak di lautan Hindi dan laut China Selatan iaitu pintu sempit yang mesti dilalui oleh kapal-kapal yang berulang-alik antara Lautan Hindi dengan Laut China Selatan (Mahyudin Yahya, 2001). Kewujudan negeri-negeri yang terawal menerima pengaruh Islam itu dibuktikan menerusi artifak seperti batu bersurat dan batu nisan serta catatan pengembara Cina, Arab dan Portugis. Ia adalah bukti bahawa agama Islam mula bertapak di Tanah Melayu.

Islam mula bertapak di rantau nusantara kira-kira abad 13 dan di Melaka lewat satu kurun kemudian. Di zaman pemerintahan Melaka, suatu undang-undang yang dikenali



sebagai undang-undang Melaka atau Hukum Kanun Melaka, telah diperkenalkan dan diterima pakai sebagai undang-undang Islam. Walaupun ia banyak merujuk kepada undang-undang adat dan bukannya semuanya Islam, namun ia sudah cukup untuk membuktikan undang-undang Islam berada di tahap tertinggi ketika itu (Jalil Borham, 2002).

Kanun Melaka atau Undang-undang Melaka merupakan hasil rujukan daripada teks *Abu Shuja' at-Tariq* dan *Fath al-Qarib* oleh Ibn Qasin al-Ghazzi. Malah undang-undang ini juga dikatakan mengandungi perundangan Islam dan ianya terdiri daripada Undang-undang Melaka Asal, Undang-undang Laut, Undang-undang Keluarga dan Undang-undang Jual Beli. Di Perak, terdapat Undang-undang 99 Perak. Bagi negeri Terengganu, undang-undang Islam telah ditadbir dengan berkesan di bawah pemerintahan Sultan Zainal Abidin II. Bagi negeri Johor, *Majallah Al-Ahkam* dari Turki telah diterjemahkan ke Bahasa Melayu dan dipakai di Johor. Malah pada akhir abad ke 19, Perlembagaan Johor melalui Artikel 2 menyatakan dengan jelas bahawa raja yang terpilih hendaklah bangsa Melayu berdarah raja, laki-laki dan beragama Islam. Malah agama Islam diiktiraf sebagai agama rasmi bagi Johor (Laman Web Rasmi JKSNPP).

Teks Hukum Kanun Melaka yang diselenggarakan oleh Dr.Ph.S Ronkel mengandungi 27 fasal, manakala Kitab Undang-Undang Melaka dari Muzium British pula mengandungi 44 fasal. Teks ini telah dikaji dan secara keseluruhannya Hukum Kanun Melaka ini berdasarkan undang-undang Islam bermazhab syafie. Walau bagaimanapun tidak dinafikan bahawa terdapat juga unsur adat Melayu. Walaupun undang-undang ini tidak mempunyai fasal yang banyak, namun ianya meliputi bidang yang luas dan pelbagai konteks perundangan Islam iaitu mualamah, kekeluargaan, acara mahkamah, keterangan, pendakwaan, sumpah, etika hakim dan juga hukuman keseksaan terhadap orang yang bersalahan melakukan jenayah. (Mahmood Saedaon, 1988).

Perlembagaan bertulis yang pertama di Tanah Melayu, iaitu Perlembagaan Johor tahun 1895, mempunyai ciri-ciri keislaman. Satu peruntukan dalam perlembagaan tersebut menyebut bahawa "*pemerintah hendaklah seorang yang berbangsa Melayu, berketurunan diraja Johor dan beragama Islam*". Perkara LVII perlembagaan itu juga menyebutkan bahawa agama Islam hendaklah sentiasa dan sepanjang masa menjadi agama negeri Johor (Musa Awang, 2015). Perlembagaan negeri Terengganu tahun 1911 juga bercirikan agama Islam. Satu daripada peruntukannya menghendaki Raja Negeri Terengganu mestilah beragama Islam, berbangsa Melayu dan berketurunan Diraja Terengganu. Perlembagaan itu juga menyebut bahawa Islam agama negeri dan tiada agama lain yang boleh dijadikan agama rasmi Negeri Terengganu. Tun Salleh Abbas, semasa menyampaikan penghakiman beliau dalam kes *Che Omar Che Soh Iwn Public Prosecutor* menyatakan: (Abdul Samat, 2018).

Sebelum kedatangan British ke Tanah Melayu, Sultan bukan sahaja ketua Agama Islam dalam negeri pemerintahan baginda, tetapi memainkan peranan yang lebih besar iaitu sebagai ketua politik dalam negeri baginda.



*Baginda merupakan wakil Allah di muka bumi dan bertanggungjawab
untuk mentadbir dan memerintah berdasarkan hukum syarak*

Hukum Kanun Melaka sungguh penting kerana menjadi panduan dalam menjalankan pemerintahan Kerajaan Kesultanan Melayu Melaka. Hukum Kanun Melaka dapat mewujudkan keamanan dan kesejahteraan dalam negara serta menjamin keselamatan rakyat. Dengan itu, perilaku jenayah di dalam negeri Melaka dapat diatasi dengan baik dan terurus dengan pemberian hukuman setimpal kepada penjenayah. Sebagai contoh kesalahan membunuh akan dibalas dengan hukuman bunuh. Ini sudah tentu akan menjadi peringatan dan rakyat takut melakukan jenayah, sekaligus negara akan aman serta keselamatan rakyat lain terpelihara.

Apabila Kesultanan Melayu Melaka telah tewas di tangan Portugis pada tahun 1511, Sultan Mahmud Shah dan pengikut baginda telah berundur ke Johor dan pelaksanaan Hukum Kanun Melaka ini telah diteruskan namun diberikan sedikit perubahan (R.O Windstedt, 1958). Sementara itu, undang-undang ini juga cukup memberikan peranan dan pengaruh yang besar terhadap penggubalan undang-undang di negeri lain, misalnya di Pahang dan boleh dikatakan hampir ke semua undang-undang di negeri Tanah Melayu bersumberkan Hukum Kanun Melaka. Antara kesan dan pengaruh yang dapat kita perhatikan adalah melalui penggubalan Undang-Undang Sembilan Puluh Sembilan Perak yang diperkenalkan sebelum penjajahan Inggeris ke Tanah Melayu.

Tidak seperti Undang-Undang Pahang, pengaruh Hukum Kanun Melaka ke atas undang-undang tidak kelihatan. Seperti mana yang ditegaskan oleh (Mahmood Zuhdi, 1997) yang mana undang-undang ini diperkenalkan pada zaman pemerintahan Sultan Ahmad Tajuddin Shah iaitu Sultan Perak yang memerintah sekitar tahun 1577-1584 yang mana pada ketika itu Perak di bawah taklukan Aceh. Ini bererti undang-undang tersebut telah didatangkan ke Perak pada awal abad ke-16. Undang-undang ini ditulis dalam bentuk soal jawab yang terdiri daripada sembilan puluh sembilan soalan dan jawapan yang meliputi hal perlembagaan, peperangan, kehartaan dan jenayah. Pada asasnya ianya bersifat Islam tetapi didasari juga dengan pengaruh adat tempatan.

UNDANG-UNDANG ISLAM SEKITAR TAHUN 1800-1900

Francis Light mendakwa Pulau Pinang merupakan sebuah pulau yang tidak pernah diduduki semasa beliau mendudukinya pada tahun 1786. Namun menurut Ahmad Ibrahim & Ahilemah Joned (2015) kenyataan tersebut bercanggah dengan satu nota yang dijumpai pada tahun 1795 yang dijumpai dalam satu daftar ukur. Menurut nota tersebut, terdapat satu perkampungan Melayu yang agak besar, lebih kurang 18 ekar yang terletak di tebing Sungai Pinang dan telah didiami selama lebih 90 tahun. Dengan penemuan nota ini, ianya menunjukkan bahawa Pulau Pinang merupakan sebuah pulau yang telah diduduki. Francis Light semasa mentadbir Pulau Pinang telah memperkenalkan Piagam Keadilan Pertama 1807 yang mengesahkan pemakaian undang-undang Inggeris di Pulau Pinang. Situasi ini menyebabkan penduduk Pulau



Pinang yang ketika itu merupakan orang Melayu, terpaksa menggunakan undang-undang Inggeris yang baharu diperkenalkan dalam aspek kehidupan mereka.

Pelaksanaan dan pemakaian undang-undang Islam di negeri-negeri di Tanah Melayu pada mulanya hanya berkaitan dengan hal-ehwal keagamaan sahaja. Namun, semakin lama penggunaannya semakin meluas. Pada masa campur tangan British, undang-undang Islam yang digubal berkaitan dengan perkahwinan dan penceraian adalah berdasarkan adat perpatih dan temenggung. Pengaruh Islam pula boleh dilihat dalam hal-ehwal jenayah (Mahmood Zuhdi, 2007).

Di peringkat awal campur tangan British, pentadbiran keadilan dilaksanakan oleh pegawai British dan mereka ini tidak semestinya terlatih (Noraziah Awal, 2017). Oleh yang demikian, pentadbiran mereka sering dikritik. Sebelum tahun 1896, rayuan dari Negeri-Negeri Melayu Bersekutu akan dibawa ke Mahkamah Residen. Magistret akan menggunakan undang-undang dan prosedur dari India sebaik mungkin.

UNDANG-UNDANG ISLAM SEMASA PENJAJAHAN

Kedudukan undang-undang Islam sebagai undang-undang utama di negeri Melayu mula tergugat akibat penjajahan Eropah ke Tanah Melayu. Melaka telah ditakluki oleh Portugis pada tahun 1511. Kemudian pada tahun 1641, Belanda telah datang dan mengusir Portugis. Keadaan bertambah teruk apabila Inggeris pula menakluk Pulau Pinang pada 1786 yang pada masa itu Pulau Pinang di bawah jajahan Kesultanan Kedah. Negeri-negeri Melayu lain di sekitarnya turut ditakluk Inggeris apabila Stamford Raffles telah datang ke Singapura pada 1819, penyerahan Melaka dari Belanda pada tahun 1824, penerimaan Residen yang pertama pada tahun 1874 di Perak, Selangor pada 1874, Negeri Sembilan antara 1874-1886 dan yang terakhir Perlis pada tahun 1930.

Apabila Inggeris telah menakluk Pulau Pinang, Inggeris telah melakukan suatu usaha untuk menyebar luaskan undang-undang Inggeris ke pulau tersebut kerana ia belum diduduki oleh sesiapa dan pulau tersebut tidak mempunyai apa-apa sistem perundangan sebelum ketibaan Inggeris. Untuk mencapai hasrat tersebut, Piagam Keadilan 1807 telah diisytiharkan dan kesan daripada itu, satu Mahkamah Tinggi telah ditubuhkan dengan suatu ketetapan bahawa ianya akan menguatkuasakan undang-undang Inggeris.

British terus meluaskan pengaruhnya pada tahun 1937 dengan menggubal satu enakmen iaitu Undang-Undang Sivil 1937 yang mana tujuannya untuk memperkenalkan pemakaian *Common Law* Inggeris dan Ekuiti ke Negeri-Negeri Melayu Bersekutu. Walaupun kelihatan undang-undang ini tidak mengubah hakikat *de facto* sedia ada, ianya secara tidak langsung telah memberi pengesahan secara rasmi bahawa undang-undang Inggeris menjadi undang-undang utama negara ketika itu. Undang-undang ini kemudiannya telah diperluaskan pemakaiannya ke Negeri-Negeri Melayu Tidak Bersekutu melalui Ordinan Undang-Undang Sivil (Pindaan) 1951 sesudah negeri berkenaan menjadi sebahagian daripada Persekutuan Tanah Melayu.



Walaupun penjajah Inggeris memperkenalkan undang-undang Inggeris tatkala bermulanya penjajahan mereka di Tanah Melayu, Inggeris juga menggubal beberapa undang-undang yang khusus untuk orang Islam sahaja. Antara statut awal yang digubal oleh Inggeris adalah *Mohammaden Marriage Ordinance 1880* yang telah diperkenalkan di Negeri-Negeri Selat (Mahmood Zuhdi, 1997). Tujuan enakmen ini adalah untuk mengatur dan mengawalselia hal ehwal perkahwinan dan kekeluargaan orang Islam. Di negeri Perak pula, undang-undang yang awal digubal untuk orang Islam adalah *Order In Council 1880* yang mana ianya memperuntukkan perkara-perkara mengenai zakat dan beberapa larangan lain. Bagi hal yang berkaitan dengan jenayah pula, negeri Perak pada ketika itu telah menggubal *Muhammadan to Pray Mosque on Friday* yang bertujuan mewajibkan orang-orang Islam menunaikan solat jumaat. Di samping itu, *Adultery By Muhammadan* telah diperkenalkan pada tahun 1894 dan di Negeri Selangor juga turut digubal enakmen yang sama iaitu *The Prevention Of Adultery Registration*.

Proses penghakiman dan kelulusan undang-undang pada zaman penjajahan Inggeris telah menukar undang-undang Islam yang menjadi teras dan pasak dalam penggubalan undang-undang telah ditukar kepada sistem perundangan Inggeris (Ahmad Ibrahim & Ahilemah, 2002). Di negeri-negeri Melayu, undang-undang Islam yang dilaksanakan hanya meliputi hal-ehwal kekeluargaan serta sedikit sahaja yang berkaitan jenayah. Berkenaan dengan hal ehwal pewarisan pula, undang-undang Islam telah dilaksanakan apabila Pejabat Tanah telah merujuk ke Kadhi jika berlaku sebarang permasalahan.

Kuasa dan bidangkuasa Mahkamah Syariah telah dibataskan dan kedudukannya dalam hierarki mahkamah telah diturunkan serta diletakkan di bawah Mahkamah Sivil (Mohd Hisham, 2007). Pada tahun 1948 Ordinan Mahkamah 1948 telah menyingkirkan Mahkamah Syariah daripada sistem mahkamah persekutuan.

Walau bagaimanapun, dalam kes *Ramah Iwn Laton*, Mahkamah Rayuan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu telah mengiktiraf undang-undang Islam sebagai undang-undang tempatan dan negara, atau dalam terma latinnya *lex loci* serta memutuskan bahawa mahkamah hendaklah mengiktiraf dan mengisytiharkan undang-undang tersebut. Terdapat lagi beberapa yang menunjukkan bahawasanya undang-undang Islam itu sememangnya telah menjadi undang-undang utama penduduk Tanah Melayu ketika itu.

UNDANG-UNDANG ISLAM SELEPAS KEMERDEKAN

Persekutuan Tanah Melayu mencapai kemerdekaan pada tahun 1957. Pada tahun 1963, Sabah dan Sarawak telah bergabung dengan Tanah Melayu dan mewujudkan Malaysia. Undang-undang tertinggi bagi negara ialah Perlembagaan Persekutuan dan badan perundangan tertinggi ialah Parlimen yang terdiri daripada Yang di-Pertuan Agung, Dewan Negara dan Dewan Rakyat. Menurut perlembagaan, undang-undang tertinggi ialah perlembagaan itu sendiri, dan mana-mana undang-undang yang bercanggah dengannyaterbatal setakat yang bercanggahan itu.

Meskipun Islam telah diterima sebagai Agama Persekutuan seperti mana yang dinyatakan dengan jelas melalui Perkara 3 Perlembagaan Persekutuan, namun peruntukan dan kuasa yang dinyatakan itu tidaklah sampai ke tahap menjadikan undang-undang Islam sebagai undang-undang negara. Ianya sama sekali berbeza dengan keadaan sebelum penjajahan Inggeris yang mana undang-undang Islam menjadi teras dan dasar pemerintahan negeri-negeri Melayu ketika itu. Apabila Tanah Melayu mencapai kemerdekaan, bidangkuasa berkaitan agama Islam diletakkan di bawah bidangkuasa kerajaan negeri melalui peruntukan Jadual Kesembilan Senarai II Senarai Negeri yang mana memperuntukkan:

Kecuali mengenai Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya, hukum Syarak dan undang-undang diri dan keluarga bagi orang yang menganut agama Islam, termasuk hukum Syarak yang berhubungan dengan pewarisan, berwasiat dan tidak berwasiat, pertunangan, perkahwinan, perceraian, mas kahwin, nafkah, pengangkatan, kesahatarafan, penjagaan, alang, pecah milik dan amanah bukan khairat; Wakaf dan takrif serta pengawalseliaan amanah khairat dan agama, pelantikan pemegang amanah dan pemerbadanan orang berkenaan dengan derma kekal agama dan khairat, institusi, amanah, khairat dan institusi khairat Islam yang beroperasi keseluruhannya di dalam Negeri; adat Melayu; Zakat, Fitrah dan Baitulmal atau hasil agama Islam yang seumpamanya; masjid atau mana-mana tempat sembahyang awam untuk orang Islam, pewujudan dan penghukuman kesalahan yang dilakukan oleh orang yang menganut agama Islam terhadap perintah agama itu, kecuali berkenaan dengan perkara yang termasuk dalam Senarai Persekutuan; keanggotaan, susunan dan tatacara mahkamah Syariah, yang hendaklah mempunyai bidang kuasa hanya ke atas orang yang menganut agama Islam dan hanya berkenaan dengan mana-mana perkara yang termasuk dalam perenggan ini, tetapi tidak mempunyai bidang kuasa berkenaan dengan kesalahan kecuali setakat yang diberikan oleh undang-undang persekutuan; mengawal pengembangan doktrin dan kepercayaan di kalangan orang yang menganut agama Islam; penentuan perkara mengenai hukum dan doktrin Syarak dan adat Melayu.

Perdana Menteri Malaysia yang pertama, Tunku Abdul Rahman berpandangan bahawa perkara 3(1) Perlembagaan Persekutuan tidak menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara Islam (Mohd Hisham, 2007). Pendapat peribadi beliau turut disokong dalam kes *Che Omar Che Soh Iwn Public Prosecutor* yang mana Hakim Mahkamah Agung memutuskan bahawa Islam dalam Perkara 3 itu bererti dalam hal istiadat dan upacara keagamaan semata-mata, manakala undang-undang yang diluluskan oleh parlimen tidak semestinya selari dengan undang-undang Islam (Abdul Aziz, 2008).

Mahmood Saedon (1996) berpendapat undang-undang Islam tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya kerana disekat oleh beberapa peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan, antaranya Perkara 4 (1) yang memperuntukkan Perlembagaan Persekutuan adalah undang-undang utama persekutuan dan mana-



mana undang-undang yang berlawanan dengannya adalah terbatal. Penulis lebih cenderung untuk merujuk kepada pandangan (Ahmad Ibrahim, 1989) bahawa ungkapan 'apa-apa undang-undang yang diluluskan selepas Hari Merdeka dalam Perkara 4(1) itu tidak merangkumi undang-undang Islam yang terdapat dalam al-Quran dan hadis selagi undang-undang tersebut tidak dikanunkan. Hal ini kerana undang-undang Islam bukanlah undang-undang yang diluluskan selepas Hari Merdeka, oleh yang demikian walaupun ianya berlawanan dengan Perlembagaan, ia tidak akan terbatal. Pendapat ini menunjukkan Islam sebagai cara hidup dan sistem perundangannya boleh diguna pakai di Malaysia.

SOROTAN SISTEM KEHAKIMAN ISLAM DI NEGERI MELAKA

Kehakiman ataupun dalam bahasa Arabnya disebut sebagai al-Qadha merupakan bahagian yang tidak boleh dipisahkan daripada ajaran Islam. Prinsip-prinsip keadilan dalam Islam menjadi landasan asas pelaksanaan syariat Islam. Sehubungan dengan itu, kehakiman adalah sebuah institusi yang amat penting dalam sebuah negara Islam bagi mencapai matlamat untuk menegakkan keadilan. Kehakiman dalam Islam mengkehendaki supaya berlaku adil tanpa mengira warna kulit, bangsa, keturunan dan agama. Firman Allah SWT yang membawa maksud:

Sesungguhnya Allah menyuruh kamu supaya menyerahkan segala jenis amanah kepada ahlinya (yang berhak menerimanya), dan apabila kamu menjalankan hukum di antara manusia, (Allah menyuruh) kamu menghukum dengan adil. Sesungguhnya Allah dengan (suruhanNya) itu memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepada kamu. Sesungguhnya Allah sentiasa Mendengar, lagi sentiasa Melihat.

(Al-Nisa', 4: 58)

Syariat Islam adalah luas dan menyeluruh, mencakupi segala aspek kehidupan, menyusun dan mengaturnya. Ianya merupakan jalan dan cara untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh ummah. Oleh yang demikian, bidangkuasa kehakiman adalah luas dan menyeluruh. Untuk melaksanakan kehendak ayat tersebut, maka ianya memerlukan kepada wujudnya sebuah institusi kehakiman yang dikenali sebagai 'wilayah al-qadha' untuk menyelesaikan perbalahan dalam kalangan pihak-pihak.

Abd Karim Zaydan (2002) memberi takrifan al-Qadha sebagai menjatuhkan hukuman dan membuat keputusan. Dari segi istilah pula membawa makna menghukumkan di antara mereka yang bersengketa dengan undang-undang Islam dan cara yang tertentu. Perkara yang dimaksudkan dengan cara tertentu itu ialah cara membuat dakwaan kepada hakim, peraturan dan syarat-syarat yang harus diopatuhi oleh seorang hakim dan cara untuk membuktikan hak-hak dan penolakan dakwaan. Berasaskan kepada cara inilah hakim akan menjatuhkan hukumannya dan memutuskan perbalahan berdasarkan syariat Islam.

Tatkala Melaka mula dijajah oleh Portugis pada tahun 1511 sehingga tahun 1641 kemudian diambil alih oleh Belanda yang menduduki Melaka selama 130 tahun dan



kemudiannya menyerahkannya semula kepada Inggeris pada tahun 1824. Pada 24 Ogos 1511, Portugis telah berjaya menawan Kerajaan Melayu Melaka dan Sultan Melaka yang terakhir iaitu Sultan Mahmud Syah akhirnya melarikan diri ke Kampar dan mangkat di sana. Semasa pendudukan Portugis, mereka telah melaksanakan dasar Pemurtadan Tanah Jajahan atau *Portugues Inquisition*. Dasar ini merupakan dasar menukar agama penduduk tempat yang dijajah secara kekerasan dan kezaliman. Selain Portugis, Sepanyol juga mengamalkan dasar yang sama iaitu *Spanih Inquisition*. Atas dasar inilah, Filipina yang dahulunya merupakan wilayah-wilayah Islam seperti kerajaan Seludong dan Tundun telah bertukar menjadi Kristian.

Di bawah pemerintahan Portugis, seorang gabenor di bawah kuasa Raja Portugis telah dilantik untuk memerintah Melaka. Beliau dibantu oleh Ovidor (Ketua Hakim), Viador (Datuk Bandar) dan paderi. Ke semua jawatan ini disandang oleh orang Portugis. Portugis juga telah menubuhkan mahkamah mereka sendiri. Semua kes yang melibatkan sivil dan jenayah akan dibicarakan di mahkamah ini. Pentadbiran Portugis melantik warganegara yang terkemuka sebagai majistret dan diberi kuasa untuk memutuskan pertikaian, dan jika terdapat sebarang rayuan, akan dikemukakan kepada Ketua Hakim (Sejarah Kehakiman Islam Negeri Melaka, 2016). Orang-orang Islam yang telah melarikan diri dari Kota Melaka telah menubuhkan pemerintahan mereka sendiri di setiap penempatan yang mereka duduki tanpa adanya raja. Penempatan ini bebas daripada kuasa Portugis. Dengan itu, sistem kehakiman Islam dapat diamalkan secara tidak formal. Orang-orang Melayu mewarisinya daripada tinggalan Kesultanan Melayu Melaka. Tokoh-tokoh yang berpengaruh akan dilantik menjadi pemimpin manakala alim ulama pula akan dilantik sebagai kadhi. Kadhi menjadikan masjid sebagai mahkamah yang menjalankan fungsi kehakiman.

Pada zaman penjajahan Belanda pula, pendekatan yang berbeza telah dibuat. Belanda lebih bersifat terbuka terhadap agama. Masjid dan surau dibenarkan untuk dibina. Atas dasar dan sifat terbuka Belanda inilah, institusi pengadilan Islam yang tidak formal mula bertapak dalam Kota Melaka. Institusi kehakiman Islam tidak diletakkan di bawah pentadbiran Belanda, maka oleh sebab itu terdapat dua sistem kehakiman yang diamalkan pada ketika itu. Tidak hairanlah rata-rata masjid yang tertua di Melaka dibina pada zaman pemerintahan Belanda seperti Masjid Kampung Hulu, Masjid Kampung Keling dan Masjid Tengker.

Pada tahun 1824, Belanda telah menyerahkan Melaka kepada Inggeris melalui satu perjanjian pada tahun 1826. Melaka telah disatukan dengan Pulau Pinang dan Singapura di bawah pentadbiran Inggeris dan dinamakan sebagai Negeri Selat. Semasa pemerintahan British, institusi kehakiman Islam telah diletakkan di bawah hierarki Mahkamah British dan kedudukan Mahkamah Kadhi diletakkan di kedudukan bawah sekali. Ini bermakna keputusan yang dikeluarkan oleh Mahkamah Kadhi boleh dirayu ke Mahkamah British. Dasar yang diamalkan oleh British ini menyebabkan institusi kehakiman Islam terhapus secara halus dan hilang ciri-cirinya. Inggeris juga telah memperkenalkan tiga Piagam Keadilan ataupun *Charters of Justice* pada tahun 1885. Semuanya adalah bertujuan untuk mengesahkan pemakaian undang-undang Inggeris



serta menysihkan undang-undang Islam yang menjadi asas perundangan sebelumnya.

Pada tahun 1990, pentadbiran Mahkamah Syariah telah dipisahkan daripada Majlis Agama Islam Negeri dan Mahkamah Syariah menjadi sistem kehakiman yang bebas. Istilah Mahkamah Kadhi yang digunakan sebelum ini telah ditukar kepada Mahkamah Syariah bagi tujuan menaikkan imej institusi kehakiman ini. Mahkamah Syariah di negeri Melaka telah mempunyai tiga lapisan utama iaitu Mahkamah Rayuan Syariah, Tinggi dan Rendah Syariah. Pada tahun 1998, Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Melaka telah ditubuhkan dan telah termasuk dalam perkhidmatan skim gunasama di samping negeri lain iaitu Wilayah Persekutuan, Pulau Pinang, Sabah, Negeri Sembilan, Selangor dan Perlis. Penubuhan Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Melaka telah menjadikan Mahkamah Syariah lebih cekap berfungsi dan setanding dengan mahkamah awam (Ruzita Mohd Ali, 2018).

Untuk melancarkan lagi urusan penyelesaian pihak-pihak di Mahkamah Syariah Negeri Melaka, bermula bulan Ogos 1996, kajian tentang pengamalan sulh di Mahkamah Syariah telah dibincangkan dalam beberapa majlis dan mesyuarat oleh Unit Hal Ehwal Jabatan Perdana Menteri dengan kerjasama Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia dan Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Melaka. Hasil daripada perbincangan tersebut, Unit Sulh yang pertama telah ditubuhkan pada 13 Julai 2000 di Wilayah Persekutuan. Unit Sulh mula ditubuhkan di Negeri Melaka pada tahun 2002 (Ridhuan, 2018). Unit Sulh memaikan peranan untuk mempercepatkan kes-kes *mal* di mana kes-kes ini boleh diselesaikan dengan persetujuan bersama antara kedua belah pihak yang bertikai. Majlis Sulh merupakan satu prosiding yang dijalankan di hadapan Pegawai Sulh di mana pegawai itu akan bertindak sebagai orang tengah antara pihak yang bertikai. Kes akan dapat diselesaikan dengan lebih cepat tanpa perlu menghadiri perbincangan penuh di hadapan Hakim.

KESIMPULAN

Apabila kita menyoroti semula sejarah mengenai kemasukan Islam ke Tanah Melayu, kita dapat melihat suatu perkembangan yang menarik di mana orang Melayu ketika itu menerima Islam dengan hati yang terbuka tanpa sebarang paksaan. Tiada pertumpahan darah dan pemaksaan bagi orang Melayu untuk memeluk agama Islam. Sultan pada ketika itu terus menerapkan unsur keislaman dalam pemerintahan baginda dengan menggubal undang-undang yang berteraskan hukum syarak bermazhabkan syafie dan disulami dengan peraturan adat-adat Melayu yang diubah suai.

Senario sebegini berterusan sehingga ratusan tahun menyebabkan undang-undang Islam menjadi darah daging dalam masyarakat Melayu, sehinggalah Portugis dan Belanda menjajah Melaka. Negeri-negeri Melayu yang lain turut menerima tempias apabila Inggeris mula menjajah Pulau Pinang apabila Inggeris menggubal Piagam Keadilan yang mengesahkan penggunaan *Common Law Inggeris* dan Ekuiti serta penubuhan sebuah Mahkamah Tinggi bagi menguatkuasakan undang-undang



tersebut. Natijahnya, skop undang-undang Islam yang dahulunya menjadi asas kenegaraan dan perundangan, hanya mencakupi hal ehwal kekeluargaan dan peribadi. Ianya dapat dilihat apabila Inggeris menggubal beberapa undang-undang yang khusus untuk orang Islam pada ketika itu. Kemudian apabila Ordinan Mahkamah 1948 diluluskan, ianya terus menyingkirkan Mahkamah Syariah daripada hierarki sistem kehakiman negara.

RUJUKAN

- Abd Jalil Borham, 2002. *Pentadbiran Undang-Undang Negeri Johor*. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Abdul Malik Amrullah (HAMKA), 2006. *Sejarah Umat Islam*. Edisi Baru. Singapura: Pustaka National Pte. Ltd.
- Abdul Samat, 2018. *Islam and State: Historical and Constitutional Backgrounds*. Nilai: USIM Press.
- Abdul Aziz, 2008. *Perlembagaan Malaysia: Isu-Isu Dan Masalah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abd Jalil Borham, 2002. *Pentadbiran Undang-Undang Negeri Johor*. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Abd Karim Zaydan, 2002. *Terjemahan Sistem Kehakiman Islam*. Batu Caves: Pustaka Haji Abdul Majid.
- Ahmad Ibrahim, 1989. *The Principle of an Islamic Constitution and the constitution of Malaysia: A Comparative Anaylis* dlm IJUM Law Journal 1:2 hlm 1-10.
- Ahmad Ibrahim & Ahilemah Jones, 1995. *The Malaysian Legal System*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Fairuzah Hj. Basri, 2008. *Tamadun Islam dan Tamadun Melayu: Perkembangan dan Isu Kontemporari*. Pusat Penerbitan Universiti (UPENA): UiTM.
- Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pulau Pinang (JKSNPP).
<http://jksnpp.penang.gov.my>
- Mahayudin Hj Yahaya, 2001. *Islam di Alam Melayu*. Perpustakaan Negara Malaysia: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mahmood Zuhdi Abd Majid, 1997. *Pengantar Undang-Undang Islam Di Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.



Mahmood Saedaon, 1988. *Kadi, Pelantikan, Pelucutan Dan Bidangkuasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Mahmud Saaedon, 2003. *Institusi Pentadbiran Undang-Undang Dan Kehakiman Islam*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohd Hisham Mohd Kamal, 2007. *Islam Sebagai Sumber Perundangan Di Malaysia dlm Sumber Undang Undang Malaysia: Artikel Terpilih. Jilid 2*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Musa Awang, 2015. *Di Manakah Kita Dalam Pemantapan Pentadbiran Keadilan Jenayah Syariah? 27 KANUN (1)*

Naquib al-Attas, 1969. *Preliminary Statement on a General Theory of The Islamization of The Malay-Indonesian Archipelago*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Nooraziah Awal, 2017. *Pengenalan Kepada Sistem Perundangan Di Malaysia Petaling Jaya*: International Law Book Services.

Tun Salleh Abas, 1986. *"Traditional Elements of the Malaysian Constitution"* dlm Mohamed Suffian, H.P. Lee & Trindade (ed.), 1978. *The Constitution of Malaysia, Its Development 1957-1977*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.

Zaini Yusnita *et al*, 2012. *Pengantar Kepada Sistem Perundangan di Malaysia*. KUIS: Jabatan Undang-Undang.

KES

Che Omar Che Soh lwn Public Prosecutor [1988] 2 MLJ 55.

Ramah lwn Laton (1927) 6 FMSLR 128.

TEMUBUAL

Temubual bersama Tuan Muhammad Ridhuan Yusof Pegawai Penyelidik Mahkamah Syariah Negeri Melaka pada 17 April 2018 bertempat di Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Melaka.

Temubual bersama Puan Ruzita Mohd Ali Pegawai Sulh Mahkamah Tinggi Syariah Melaka pada 17 April 2018 bertempat di Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Melaka.